

INJIL YESUS KRISTUS





APAKAH ITU INJIL YESUS KRISTUS?

Injil Yesus Kristus adalah rancangan Bapa Syurgawi untuk kegembiraan dan **penyelamatan*** anak-anakNya. Ia dipanggil injil Yesus Kristus kerana **Korban Tebusan** Yesus Kristus adalah pusat rancangan ini. Menurut rancanganNya, Bapa Syurgawi kita telah menghantar PuteraNya, Yesus Kristus, ke dunia untuk menunjukkan kita bagaimana untuk menghidupi kehidupan yang bererti dan gembira dan mengalami kebahagiaan abadi selepas hidup ini. Melalui **rahmat** dan belas kasihan Yesus Kristus, anda boleh menjadi suci dari dosa dan menikmati kedamaian hati nurani. Anda boleh menjadi layak untuk hidup dalam kehadiran Bapa Syurgawi selepas hidup ini.

Untuk menerima kedamaian dan kekuatan ini, anda mesti belajar dan mengikut prinsip-prinsip dan tatacara-tatacara injil. Prinsip adalah satu kebenaran yang boleh diaplikasikan dalam hidup; **tatacara injil** adalah satu upacara kudus dan rasmi yang dijalankan oleh kuasa imamat dan sering kali cara untuk membuat **perjanjian** dengan Bapa Syurgawi kita. Prinsip pertama injil ialah iman dalam Yesus Kristus dan pertaubatan. Tatacara-tatacara injil yang pertama ialah **pembaptisan** dan penerimaan Roh Kudus.

Selepas anda belajar dan mengikuti prinsip-prinsip dan tatacara-tatacara injil pertama, anda terus mengikuti teladan Kristus sepanjang hidup anda. Iman yang berterusan ini dipanggil “bertahan sampai akhir.”

Anda boleh menghidupi injil Yesus Kristus dengan:

- Membina iman dalam Yesus Kristus
- Bertaubat
- Dibaptiskan dan menerima Roh Kudus.
- Bertahan sampai akhir.

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

IMAN DALAM YESUS KRISTUS

Iman adalah satu percaya yang kuat yang memotivasikan seseorang untuk bertindak. Iman yang menuju ke pengampunan dosa-dosa berpusat pada Yesus Kristus, Korban Tebusan Nyalah yang menjadikan pengampunan satu kemungkinan. Iman dalam Yesus Kristus adalah lebih daripada satu kepercayaan yang pasif

kepada Dia. Ia bermaksud percaya bahawa Dialah Putera Tuhan dan Dia menderita untuk dosa-dosa, kesusahan, dan penyakit anda. Ia bermaksud untuk bertindak ke atas kepercayaan itu. Iman dalam Yesus Kristus membimbing anda untuk menyayangi Dia, mempercayai Dia, dan mematuhi perintah-perintahNya.

“Percayalah kepada Tuhan dengan sepenuh hatimu. Jangan bergantung kepada pengertianmu sendiri.

“Ingatlah akan Tuhan dalam segala perbuatanmu, dan Dia akan menunjukkan cara hidup yang baik kepadamu.”

Amsal 3:5-6

PERTAUBATAN

Iman dalam Yesus Kristus membimbing anda untuk mengubah kehidupan anda kepada yang lebih baik. Bila anda mengaji injil, anda mengenali bahawa

anda sudah berdosa, atau bertindak bertentangan kehendak dan ajaran Tuhan. Melalui pertaubatan, anda mengubah fikiran, hasrat, tabiat dan tindakan yang tidak selaras dengan ajaran Tuhan. Dia berjanji bahawa jika anda bertaubat, Dia akan mengampunkan dosa-dosa anda. Bila anda bertaubat, anda:

Kenali bahawa anda telah berdosa dan merasa kesedihan yang ikhlas terhadap perkara yang sudah anda lakukan.

Menghentikan kelakuan yang salah, dan berusaha untuk tidak mengulanginya lagi.

Mengakui dosa-dosa anda kepada Tuhan dan memohon demi pengampunan. Berbuat demikian melegakan satu beban yang berat. Jika anda telah berdosa bertentangan seseorang, anda juga memohon pengampunan daripada orang itu.

Iman kepada Yesus Kristus adalah prinsip pertama injil.





Menggantikan kerugian. Anda melakukan dengan semua upaya anda untuk membetulkan masalah-masalah yang diakibatkan oleh tindakan anda.

Mematuhi perintah-perintah. Mematuhi perintah Tuhan membawa kuasa injil dalam hidup anda. Injil akan memberikan anda kekuatan untuk meninggalkan dosa-dosa anda. Mematuhi perintah-perintah termasuk memberi perkhidmatan, mengam-punkan orang lain, dan menghadiri pertemuan-pertemuan Gereja.

Mengiktirafkan Juruselamat. Bahagian yang terpenting dalam pertaubatan adalah kesedaran bahawa pengampunan datang kerana Yesus Kristus. Kadang kala anda merasa bahawa Tuhan tidak akan mengam-punkan dosa yang serius. Tetapi Juruselamat menderita untuk dosa-dosa kita supaya mereka boleh diatasi, mahupun dosa yang serius. Hasil pertaubatan yang benar adalah pengampunan, kedamaian, keselesaan, dan kebahagiaan.

Pertaubatan tidak selalunya bererti membuat perubahan yang besar. Sering kali ia hanya memerlukan komitmen tambahan untuk hidup menurut kehendak Tuhan. Pertaubatan yang benar tidak selalunya berlaku dengan cepat; bersabarlah bila anda berusaha untuk melakukan yang betul dan untuk membetulkan kesalahan-kesalahan yang sudah anda lakukan. Semasa anda bertaubat, anda akan mengalami satu perubahan hati. Anda tidak akan berhasrat untuk berdosa. Anda akan belajar bahawa anda adalah anak Tuhan dan anda tidak perlu melakukan kesalahan yang sama berulang

Kita semua buat kesalahan. Kadang kala kita melukakan diri kita dan mencederakan orang lain dengan seriusnya sehingga tidak dapat dibaiki oleh diri kita sendiri. Kita memecahkan barang-barang yang tidak dapat kita perbaiki. Kemudian kita merasa kesalahan, penghinaan, dan penderitaan, yang tidak dapat kita sembuh secara diri sendiri. Kuasa pemulihan Korban Tebusan boleh memulih perkara yang tidak dapat kita membaiki.

kali. Hasrat anda untuk mengikut Tuhan akan menjadi lebih kuat dan mendalam.

PEMBAPTISAN DAN ROH KUDUS

Iman dalam Yesus Kristus dan pertaubatan menyediakan anda terhadap pembaptisan dan penerimaan Roh Kudus. Yesus Kristus mengajar bahawa semua orang mesti dibaptiskan dengan air dan dengan Roh (Roh Kudus) untuk kemaafan, atau pengampunan, dari dosa. Melalui pembaptisan oleh seorang yang memegang kuasa imam dan melalui penerimaan Roh Kudus, anda akan dilahirkan sekali lagi secara rohani.

“Yesus menjawab, Apa yang Aku katakan ini benar: Tidak mungkin seorang pun menikmati Pemerintahan Tuhan, kecuali dia dilahirkan daripada air dan daripada Roh Tuhan.”

Yohanes 3:5

Mengapa Saya Perlu Dibaptiskan?

Yesus Kristus menubuhkan satu teladan kepada kita dengan pembaptisannya untuk “melaksanakan segala yang dikehendaki Tuhan” (Matius 3:15). Bila anda dibaptiskan, anda menerima pengampunan dari dosa-dosa anda (lihat Kisah-Kisah Rasul 2:38). Anda buat satu perjanjian, atau ikrar, dengan Tuhan: anda berjanji untuk menerima Yesus Kristus

sebagai Juruselamat anda, untuk mengikutinya, dan mematuhi perintah-perintahNya. Jika anda melaksanakan bahagian anda, Bapa Syurgawi berjanji untuk mengampunkan dosa-dosa anda. Bila anda dibaptiskan oleh kuasa yang benar, dosa-dosa anda dihapuskan.

Pembaptisan termasuk satu pencelupan dalam air yang ringkas. Inilah cara Yesus dibaptiskan. Pembaptisan oleh pencelupan adalah satu tanda kudus tentang kematian, kekuburan, dan Kebangkitan Yesus Kristus; ia melambangkan ketamatan hidup lama anda dan permulaan hidup yang baru sebagai seorang pengikut Yesus Kristus.



Mengapa Saya Perlu Menerima Roh Kudus?

Sementara pembaptisan menghapuskan dosa-dosa anda, Roh Kudus menguduskan, atau menyucikan, anda. Jika anda tetap beriman kepada perjanjian pembaptisan anda, anda boleh memperoleh Roh Kudus bersama anda selalu. Semua orang yang baik boleh merasa pengaruh Roh Kudus, tetapi hanya mereka yang sudah dibaptis dan mereka yang menerima Roh Kudus berhak mempunyai penemanNya yang berterusan sepanjang hidup.

Anda boleh diajar dan dibimbing oleh Roh Kudus.

“Roh Tuhan, Penghibur yang akan diutus oleh Bapa demi nama-Ku, akan mengajar kamu segala-galanya dan akan mengingatkan kamu segala yang telah Aku katakan kepada kamu.”

Yohanes 14:26

Roh Kudus membantu anda untuk mengenali dan memahami kebenaran. Dia menyediakan kekuatan rohani dan ilham. Dia menyenangkan anda pada waktu yang susah dan membimbing anda untuk membuat keputusan. Anda boleh merasa kasih sayang dan pengaruh Tuhan dalam kehidupan harian anda melalui Roh Kudus.

Keupayaan anda untuk menikmati anugerah Tuhan ini bergantung pada pematuan anda kepada perintah-perintah Tuhan. Roh Kudus tidak dapat bersama mereka yang tidak hidup selaras dengan ajaran-ajaran Tuhan. Mereka

kehilangan hak istimewa bimbingan dan ilhamNya. Selalu berusaha untuk berlayakkan teman dan arahan dari Roh Kudus.

Anda menerima Roh Kudus selepas pembaptisan. Dalam satu tatacara injil yang dipanggil **penetapan**, seorang atau lebih daripada seorang pemegang imamat yang berhak kuasa meletakkan tangan mereka di atas kepala anda. Mereka menetapkan anda sebagai seorang ahli Gereja dan memberkat anda untuk menerima Roh Kudus. Tatacara injil ini biasanya berlaku dalam

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

Roh Kudus dianugerahkan dengan perletakan tangan.





gereja selepas pembaptisan. Bila anda sudah dibaptis dan ditetapkan, anda menjadi seorang ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

Pertemuan Sakramen

Selepas anda dibaptiskan, anda boleh membaharui perjanjian pembaptisan anda setiap minggu dengan mengambil

sakramen. Semasa pertemuan sakramen, roti dan air diberkat dan diserahkan kepada jemaah sebagai satu peringatan Korban Tebusan Yesus Kristus. Roti melambangkan tubuh badanNya, dan air melambangkan darahNya. Bila anda membaharui perjanjian pembaptisan anda, anda dijanjikan bahawa anda akan memperoleh Roh, atau Roh Kudus, bersama anda selalunya.

Sakramen menolong anda untuk mengingatkan hidup, pelayanan, dan Korban Tebusan Yesus Kristus dengan kesyukuran.

* Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

BERTAHAN SAMPAI AKHIR

Anda menjadi seorang ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir melalui iman dalam Yesus Kristus, pertaubatan, dan tatacara- tatacara injil pembaptisan dan penetapan. Selepas anda menjadi ahli Gereja, anda akan terus berkembang dengan kefahaman. Anda akan terus beriman dalam Yesus Kristus, bertaubat, membaharui perjanjian pembaptisan anda dengan mengambil sakramen, dan mengikut bimbingan Roh Kudus. Prinsip-prinsip dan tatacara-tatacara injil pertama ini adalah pola untuk diikuti sepanjang hidup. Komitmen sepanjang hayat ini sering kali dipanggil “bertahan sampai akhir.”

Bertahan sampai akhir membawakan arahan, kedamaian, dan kegembiraan kepada hidup. Anda akan merasa kebahagiaan dari mencuba untuk menjadi seperti Yesus Kristus bila anda melayan dan membantu mereka di sekeliling anda. Anda akan memahami dengan lebih mendalam tentang perhubungan anda dengan Bapa Syurgawi anda dan merasa kasih sayangNya kepada anda. Anda akan merasa harapan dan satu hafaman tujuan dalam dunia yang dukacita dan payah.

Injil Yesus Kristus adalah satu cara hidup.

“Kerananya, kamu mesti maju terus dengan ketabahan di dalam Kristus, memiliki kecermelangan harapan yang sempurna, dan kasih bagi Tuhan dan bagi semua orang. Kerananya, jika kamu akan maju terus, mengenyangkan diri dengan firman Kristus, dan bertahan sampai akhir, lihatlah, demikian firman Bapa: Kamu akan memperoleh kehidupan abadi.”

2 Nefi 31:20



BAGAIMANA SAYA BOLEH MENGETAHUI?

Injil Yesus Kristus sudah dipulihkan melalui wahyu dari Tuhan kepada Nabi Joseph Smith dan para nabi lain.

Anda boleh mengetahui untuk diri sendiri bahawa perkara-perkara ini adalah benar dengan bertanya kepada Bapa Syurgawi anda. Dia akan menjawab anda melalui Roh Kudus, yang juga dipanggil Roh Tuhan. Roh Kudus bersaksi, atau memberi keterangan, tentang Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus. Roh Kudus menetapkan kebenaran melalui perasaan, pemikiran, dan impresi. Perasaan-perasaan yang datang dari Roh Kudus adalah berkuasa, tetapi biasanya mereka juga halus dan senyap. Seperti yang diajarkan dalam Alkitab, “Sebaliknya, hasilnya jika orang dipimpin oleh Roh Tuhan : Mereka saling mengasihi, bersukacita, hidup rukun, sabar, berbudi, baik hati, setia, rendah hati, dan dapat mengawal diri” (Galatia 5:22–23).

Perasaan-perasaan ini adalah pengesahan dari Roh Kudus bahawa pesan ini adalah benar. Anda seterusnya perlu memilih sama ada anda akan hidup selaras dengan injil Yesus Kristus seperti yang dipulih melalui Joseph Smith.

Bagaimana Saya Berdoa?

- *Mengucap kepada Bapa Syurgawi anda.*
- *Menyatakan perasaan-perasaan hati anda (kesyukuran, soalan, permohonan untuk memastikan kebenaran Kitab Mormon dan ajaran-ajaran dari para mubaligh).*
- *Tutup (“Dalam nama Yesus Kristus, amin”).*

SENARAI ISTILAH

Korban Tebusan Kejadian yang membolehkan kita berdamai semula kepada Tuhan. Untuk menebus dosa adalah untuk menderita hukuman untuk dosa, jadi itu akan menghilangkan kesan-kesan dosa dari orang yang berdosa yang bertaubat. Yesus Kristus hanyalah satu-satunya insan yang mampu melakukan Korban Tebusan yang sempurna bagi seluruh umat manusia. Korban Tebusannya merangkumi penderitaannya bagi dosa-dosa kita, pertumpahan darahnya, dan kematiannya dan Kebangkitannya. Oleh kerana Korban Tebusan, semua orang yang pernah hidup akan dibangkitkan. Korban Tebusan juga menyediakan kita satu cara untuk menerima pengampunan dosa-dosa kita dan untuk hidup selama-lamanya dengan Tuhan.

Pembaptisan Langkah yang penting untuk menerima pengampunan dosa. Melalui pembaptisan dan penetapan oleh kuasa imamat, kita menjadi ahli-ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir. Pembaptisan melalui pencelupan, bermaksud orang yang dibaptiskan itu akan ditenggelamkan dalam air dengan ringkas. Pembaptisan menunjukkan kerelaan kita untuk mengikut teladan Yesus Kristus dan membuat perjanjian dengan Tuhan.

Penetapan Cara seseorang menerima Roh Kudus. Dalam tatacara injil ini, biasanya dilaksanakan di pertemuan sakramen selepas pembaptisan, orang ini ditetapkan, atau dijadikan, seorang ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

Perjanjian Persetujuan di antara Tuhan dan anak-anaknya. Tuhan memberikan syarat-syarat untuk perjanjian itu, dan kita bersetuju untuk mematuhi Dia. Tuhan menjanjikan berkat-berkat yang tertentu demi pematuhan kita.

Rahmat Pertolongan dan kekuatan ketuhanan yang diberi melalui belas kasihan dan kasih sayang Yesus Kristus. Melalui rahmatNya, yang dibuat mungkin oleh Korban TebusanNya, semua umat manusia akan dibangkitkan. Melalui rahmatNya, mereka yang terus bertaubat dan hidup mengikut injilNya akan merasa kedekatan yang berpanjangan terhadap Bapa Syurgawi dalam hidup ini dan akan hidup dalam kehadiranNya selepas hidup ini.

Tatacara Injil Sebuah upacara kudus dan rasmi yang dijalankan oleh kuasa imamat. Contohnya termasuk pembaptisan, penerimaan Roh Kudus, dan pertemuan sakramen. Tatacara injil sering kali bererti membuat perjanjian dengan Tuhan.

Pertemuan Sakramen Satu tatacara injil yang mengingatkan ahli-ahli Gereja tentang Korban Tebusan Yesus Kristus. Dengan mengambil sakramen, kita membaharui perjanjian yang sudah kita buat pada pembaptisan. Roti dan air diberkati dan diserahkan kepada jemaah. Roti itu melambangkan tubuh badan Yesus Kristus, dan air itu melambangkan darahnya. Tatacara injil ini berlaku setiap minggu dalam upacara penyembahan yang dipanggil pertemuan sakramen.

Penyelamatan Pembebasan dari dosa dan kematian. Penyelamatan dibuat mungkin oleh Korban Tebusan Yesus Kristus. Melalui Kebangkitan Yesus Kristus, semua orang akan mengatasi kesan-kesan kematian. Kita dapat diselamatkan dari kesan-kesan dosa melalui iman dalam Yesus Kristus. Iman ini ditunjukkan dalam kehidupan pertaubatan dan pematuhan kepada undang-undang dan tatacara-tatacara injil dan pelayanan kepada Kristus.

PEMBELAJARAN TAMBAHAN

Soalan-soalan dan ayat-ayat suci berikut akan membantu anda untuk mempelajari dengan lebih mendalam berkenaan prinsip-prinsip dalam risalah ini dan untuk merenungkan prinsip-prinsip itu. Senarai ini tidak menyeluruh; nota kaki dan rujukan silang dalam kitab-kitab suci akan mengarahkan anda kepada petikan-petikan dan sumber-sumber tambahan.

Apakah itu injil Yesus Kristus?

3 Nefi 27:13–22 (Kitab Mormon, muka surat 704–705)

Apakah maksudnya untuk beriman?

Bagaimana iman boleh memberi anda kekuatan?

Ibrani 11:1, 6 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Alma 32:21, 26–28 (Kitab Mormon, muka surat 440–441)

Eter 12:6 (Kitab Mormon, muka surat 780)

Apakah maksudnya untuk bertaubat?

Mengapa semua orang perlu bertaubat?

Lukas 15:3–10 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Kisah Rasul-Rasul 3:19 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Alma 12:33–34 (Kitab Mormon, muka surat 361)

Mengapa setiap orang perlu dibaptiskan?

Kisah Rasul-Rasul 2:38 (Alkitab, Perjanjian Baru)

2 Nefi 31–32 (Kitab Mormon, muka surat 167–172)

Apa itu Roh Kudus?

Bagaimana Roh Kudus boleh memberkat hidup anda?

2 Nefi 32:5 (Kitab Mormon, muka surat 171)

3 Nefi 27:20 (Kitab Mormon, muka surat 705)

Apakah tujuan sakramen?

3 Nefi 18:1–12 (Kitab Mormon, muka surat 678–679)

Moroni 4–5 (Kitab Mormon, muka surat 796–797)

Apakah maksudnya untuk bertahan sampai akhir?

2 Nefi 31:15–20 (Kitab Mormon, muka surat 169–170)

3 Nefi 15:9 (Kitab Mormon, muka surat 671)

MENYEMBAH BERSAMA KAMI

MARILAH LIHAT BAGAIMANA INJIL YANG TELAH DIPULIHKAN DAPAT MEMBERKATI HIDUP ANDA



Pertemuan sakramen adalah upacara penyembahan yang utama. Ia biasanya berlangsung selama lebih sedikit daripada satu jam dan biasanya mengandungi unsur-unsur berikut:

Lagu Rohani: Dinyanyikan oleh jemaah. (Buku-buku lagu rohani disediakan.)

Doa: Diberikan oleh ahli-ahli Gereja tempatan.

Sakramen: Roti dan air diberkati dan diserahkan kepada jemaah sebagai peringatan akan Korban Tebusan Yesus Kristus.

Para Pengucap: Biasanya satu atau dua orang ahli Gereja yang ditugaskan dari kalangan jemaah akan berucap tentang topik-topik injil.

Pakaian: Lelaki dewasa dan kanak-kanak lelaki secara umumnya memakai sut atau seluar panjang yang kemas dengan kemeja dan tali leher. Wanita dan gadis memakai baju perempuan atau skirt. Sumbangan derma tidak diminta semasa upacara penyembahan.

Kami juga menjemput anda untuk menghadiri pertemuan-pertemuan tambahan, menurut minat dan kumpulan umur anda. Aturan dan perlangungan pertemuan-pertemuan ini mungkin berbeza.

Sekolah Hari Ahad: Kelas-kelas untuk pembelajaran kitab suci dan ajaran-ajaran injil.

Pertemuan-pertemuan imamat: Kelas-kelas untuk lelaki dewasa dan remaja lelaki yang berusia 12 dan ke atas.

Lembaga Pertolongan: Kelas-kelas untuk wanita yang berusia 18 dan ke atas

Remaja Puteri: Kelas-kelas untuk gadis berusia 12 hingga 18.


Sekolah Primer: Penyembahan kumpulan dan kelas-kelas untuk kanak-kanak yang berusia antara 3 hingga 11. Nurseri sering kali sedia ada bagi kanak-kanak yang berusia antara 18 bulan hingga 3 tahun.



Masa pertemuan sakramen: _____

Alamat gereja: _____

Apa Yang Harus Saya Lakukan?



- Membaca Kitab Mormon

Cadangan pembacaan: _____

- Berdoa untuk mengetahui bahawa Yesus Kristus adalah Juruselamat anda.
- Bertaubat dan berdoa untuk pengampunan dosa-dosa anda. Berusaha untuk hidup menurut perintah-perintah Tuhan.
- Menghadiri gereja.
- Bersedia untuk dibaptiskan pada _____
- Lawati www.mormon.org untuk mempelajari dengan lebih lanjutnya tentang injil Yesus Kristus yang telah dipulihkan.
- Terus bertemu dengan para mubaligh untuk belajar dengan lebih lanjutnya tentang kebenaran yang sudah Tuhan pulihkan melalui para nabi zaman moden.

Temu janji seterusnya: _____

Nama dan nombor telefon para mubaligh:

**For Non-Muslim
For Church use only
Not for sale**

GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR

www.mormon.org

Kredit Imej

Muka hadapan: Perincian dari *Air Yang Memberikan Hidup* oleh Simon Dewey © Simon Dewey. Jangan buat salinan.
Muka surat 2: Perincian dari *Khubat di atas bukit* oleh Carl Heinrich Bloch. Diguna dengan keizinan dari National
Historic Museum di Frederiksborg di Hillerød, Denmark.
Muka surat 5: *Kristus Membangkitkan Anak Perempuan Yairus*, oleh Greg K. Olsen. © Greg K. Olsen
Muka surat 6: *Pemulih Yang Halus*, oleh Greg K. Olsen. © Conceptions Unlimited Investments, Inc. Jangan buat salinan
Muka surat 9: *Pembaptis Yohanes Membaptiskan Yesus*, oleh Greg K. Olsen. © Greg K. Olsen. Jangan buat salinan

© 2011 by Intellectual Reserve, Inc. Hak cipta terpelihara. Dicetak di Amerika Syarikat.

Kelulusan Bahasa Inggeris: 7/08. Kelulusan penterjemahan: 7/08. Penterjemahan dari: *The Gospel of Jesus Christ*

Malay 01142 348

MALAY



4 02011 42348 7

01142 348